

INNALILLAHIWAINNA ILAIHIROOJI'UN – MUHASABAH DARI TRAGEDI

[INNALILLAHIWAINNA ILAIHIROOJI'UN – MUHASABAH DARI TRAGEDI](#)

Post by [Warga Prihatin.](#)

RAMADHAN DATANG LAGI – SUASANA YANG DIRINDUI

[RAMADHAN DATANG LAGI – SUASANA YANG DIRINDUI](#)

Post by [Warga Prihatin.](#)

MOTIVASI OKU DAN MASYARAKAT – HENTIKAN PENDERAAN

[MOTIVASI OKU DAN MASYARAKAT – HENTIKAN PENDERAAN](#)

Post by [Warga Prihatin.](#)

PROPAGANDA 3-5-9S DAN 5F YAHUDI DAN NASRANI – PART 1

[PROPAGANDA 3-5-9S DAN 5F YAHUDI DAN NASRANI – PART 1](#)

Post by [Warga Prihatin.](#)

KEHILANGAN & PEMBUNUHAN KANAK-KANAK SEMAKIN SERIUS



KEHILANGAN & PEMBUNUHAN KANAK-KANAK SEMAKIN SERIUS

Setiap hari ada saja berita kehilangan dan penculikan kanak-kanak. Ada yang dilaporkan hilang tetapi sebenarnya menghilangkan diri, lari rumah mengikut teman lelaki dan sebagainya. Ada pula yang dilarikan oleh waris sendiri tetapi dilaporkan sebagai diculik atau hilang. Mungkin juga ada yang

dilarikan oleh penarik kereta yang sebenarnya mahukan kereta itu namun ada anak di dalamnya terikut sekali.

NAMUN... Masih ramai juga yang tidak ada berita sama sekali dan berita tentang penemuan mayat kanak kanak yang dibunuh dengan kejam serta berbagai rupa gambar gambar yang tersebar amat membimbangkan sekali.

Kami bincangkan hal ini dengan lebih serius dengan mengambil kira segala sudut. Antaranya ialah tentang kesahihan berita, termasuk kenyataan pihak PDRM yang menafikan beberapa berita yang tersebar, juga tentang gambar-gambar yang dikirim pembaca kepada kami melalui media sosial serta pengesahan suatu berita yang pernah dinafikan awalnya setelah menemui mayat mangsa. Perbincangan seterusnya ialah merujuk kepada langkah menyedarkan warga prihatin dan masyarakat bagi menghadapi segala kemungkinan.

SINDIKET PENJUALAN ORGAN MANUSIA

Ini adalah satu tanda tanya yang amat membimbangkan. Ada banyak gambar dan berita yang tidak disahkan. Meneliti sesetengah gambar membuatkan kami mengambil keputusan bahawa ada kemungkinan gejala dan sindiket seperti ini memang benar benar berlaku. Ia bukan gambar yang diedit. MasyaAllah, inilah bala baru.

Kita tidak tahu di mana pasaran organ ini dijual. Adakah untuk tujuan rawatan atau untuk dimakan? Jika untuk tujuan kesihatan sekalipun, ia jelas ada suatu yang tidak kena pada pengamal perubatan yang kiranya ia benar, kerana sanggup menerima organ yang tidak disahkan sumbernya. Lebih malang lagi jika apa yang kita lihat dalam gambar hiasan, bahawa anggota badan dijual sebagai bahan makanan itu benar benar wujud. Harimau pun tidak akan makan haiwan sejenis dengannya, inikan pula kita manusia.

Dalam kedua dua keadaan itu jelas kita sedang menghadapi krisis kemanusiaan yang amat parah sekali. Melihat pada mayat kanak kanak lelaki di besin hijau itu jelas menunjukkan ia

berkulit sawo matang dan menggambarkan kejadian itu berlaku di Nusantara ini. Oleh itu jelas sekali kita perlu lebih berhati-hati.

KAITAN ANAK HILANG & GEJALA 'HEDONISME'

Akibat dari kelalaian ibu bapa dan pihak-pihak bertanggungjawab dalam mengawal minda dan pergaulan anak-anak sudah tidak boleh disangkal lagi. Kemewahan hidup telah menyebabkan anak-anak dibekalkan dengan segala macam gajet dan hiburan yang meracuni fikiran. Budaya hedonisme telah menular, iaitu anak-anak membesar dengan HANYA mengejar keseronokan dan kenikmatan hidup secara negatif. Ini telah menyebabkan ibu bapa kesukaran mengawalinya.

Keinginan anak-anak seawal usia 10 tahun ke arah seks melalui pengaruh media dan rakan sebaya telah membuatkan anak jadi liar. Apabila aktiviti seks sudah menjadi kemistri dalam hidup, mereka akan lupa ibu bapa, lupa agama dan gagal membezakan mana yang baik dan mana yang buruk.

Antara sebab kami tutup cawangan kami di Sungai Pelek adalah gejala Hedonisme ini. Pelajar sekolah di situ bebas hisap rokok di depan sekolah. Seminggu dua saja anak-anak rijal kami mula berjemaah di masjid, remaja 13-15 tahun yang melepak di pagar masjid sudah berani bertanya sewaktu anak-anak kami berjalan kaki pulang ke rumah dengan soalan.. ada kakak umur 13 tahun tak? Boleh beri pada kami?

Mulanya kami fikir itu kenakalan biasa. Namun seminggu dua selepas itu kami kesan ada remaja yang sudah beri handfone dan simkad kepada anak-nisak kami yang berusia 13 tahun dan bertudung labuh. Nasib kami baik kerana jemaah anak-anak dapat mengesan dan melapurkannya lalu kami dapat selamatkan keadaan. Bayangkan jika rakan prihatin tidak main peranan?

GEJALA 'PEDOFILIA' DAN PENDERAAN SEKSUAL KANAK-KANAK

Gay, homoseks, Lesbian dan sodomy sudah cukup memeningkan

kepala. Kini wujud satu lagi bala kepada umat manusia. Fenomena Pedofilia, atau 'cinta kanak-kanak' ini sudah semakin serius. Kes bilal masjid berusia 57 yang berulang kali meniduri pelajar 14 tahun hingga hamil baru baru ini serta banyaknya kes pembunuhan dan pencabulan terhadap kanak kanak menjadi bukti.

Kes rogol pelajar oleh 38 lelaki pelbagai umur serta kronologi penculikan yang berlaku di Slim River semalam telah jelas nyata melibatkan gejala pedofilia ini. Kajian kami menunjukkan gejala ini jauh lebih teruk bahkan melibatkan institusi keluarga itu sendiri.

Statistik PDRM sehingga tahun 2006 menunjukkan 75% penderaan seksual kanak kanak dilakukan oleh keluarga sendiri. Betapa ramainya anak kecil yang telah diperkosa bertahun tahun tidak mendedahkan penindasan itu ke pihak berkuasa atas pelbagai sebab.

Ada kes Pedofilia, pemerkosaan beramai-ramai yang berlaku dalam kalangan keluarga sendiri melibatkan datuk, ayah, sepupu, bapa saudara, ipar duai bermula seawal 5 tahun. Dalam satu kes, pencabulan dilakukan oleh abang sendiri bersama rakannya pada adik ketika berusia 8 tahun dan ia berterusan sehingga adik perempuan itu berusia 20 tahun.

KESAN NEGATIF TERHADAP MANGSA.

Semua gejala ini adalah petanda bahawa masyarakat ini sedang berpenyakit mindanya. Kerana enggan menggunakan manual hidup dari Allah, lalu kita jadi seperti haiwan. Hidup tidak berpegangan, terlalu jauh dari agama dan amat bercelaru sekali. Ia ditambah pula dengan kemiskinan dan kesempitan hidup, pengaruh dadah, arak, keruntuhan rumahtangga, hiburan dan sebagainya.

Atas desakan nafsu, anak kecil jadi mangsa kerana mereka tidak mampu melawan. Yang lebih menyedihkan ialah apabila mereka ini jadi semacam hilang akal. Kesakitan dan trauma yang dialami si

mangsa menjadi satu cabaran yang amat menyeronokkan bagi mereka. Lebih sedih lagi mereka sanggup MEMBUNUH dengan KEJAM selepas memuaskan nafsu. Kebanyakan kejadian sebegini yang berlaku dalam keluarga tidak dilaporkan kerana menjaga maruah. Ada ketikanya si ibu sendiri yang menafikannya kerana menjaga hubungan kekeluargaan kononnya.

Oleh itu, banyak sekali kesan-kesan negatif jangka panjang dihadapi oleh kanak-kanak yang mengalami penderaan seksual ini. Antaranya ialah gangguan perasaan :-♦ Perasaan Takut ♦ Marah ♦ Rasa bersalah ♦ Iri hati ♦ Malu ♦ Konflik kasih sayang ♦ Keliru ♦ Merasa rendah diri ♦ Merasa tidak berguna ♦ Bingung terhadap seks ♦ Rasa terasing ♦ Kurang mempercayai orang ♦ Kecenderungan untuk bunuh diri ♦ Gangguan personaliti ♦ Garang dan bengis ♦ Pendendam dan sebagainya.

CARA MENGATASI

Islam adalah agama ilmu yang difahami, diyakini dan dipatuhi keseluruhannya. Oleh itu berilah kefahaman agama secukupnya dan pantau perlaksanaan ilmu itu secara berjemaah.

Kita hanya akan kukuh dan selamat dengan kehidupan secara berjemaah dan bersaudara. Kami telah rasai kenikmatan itu dan ingin pembaca sekalian turut merasa aman dan sejahtera dengan kaedah yang sama. Anak anak kami hidup berjemaah dan setiap diri berkewajiban untuk menjaga kebajikan dan keselamatan yang lain.

Firman Allah: ***“Berpegang teguhlah kepada tali Allah, janganlah kamu berpecah belah dan ingatlah kamu akan nikmat yang dikurniakan Allah kepada kamu”***.(Surah Ali-Imran, ayat 103)

Nabi SAW bersabda yang bermaksud: ***“Wajiblah kamu bersama-sama dengan jemaah dan berwaspadalah kamu terhadap perpecahan”***.(HR at-Tirmizi)

“Sesungguhnya syaitan itu adalah serigala kepada manusia, samalah seperti serigala kepada kambing, ia akan memakan

kambing yang jauh terpencil daripada kumpulannya, maka berhati-hatilah kamu dan hendaklah kamu sentiasa bersama-sama dengan jemaah dan orang ramai".(HR Ahmad)

Umar Al-Khattab pernah berkata: ***"Sesungguhnya tiada Islam melainkan dengan jemaah, tiada jemaah melainkan dengan kepemimpinan dan tiada kepemimpinan melainkan dengan ketaatan"***.(HR Ahmad)

Anjurkan program takruf kerana ***"Tak kenal maka tak cinta"***. Didiklah anak-anak untuk mengenali dan memahami aturan agama ini agar terjamin keselamatan mereka. Kenali rakan sebaya, jiran tetangga dan guru-guru anak-anak kita. Hari ini pemandu dan klendan bas anak kita pun ada yang kita tidak kenal. Semua maid atau anak itu sendiri yang uruskan.

Gelagat anak nisak kita sekarang tidak macam dahulu dan mereka amat mudah teransang. Hari ini pelajar lelaki duduk elok di kerusi dan pelajar perempuan berasak di tangga. Kelendan bas kenyang bergeselan dan meraba tubuh hingga terbeliak mata teransang sepanjang perjalanan. Kita tidak pernah tahu bahawa begitu banyak kes anak sekolah diperkosa oleh pemandu dan klendan bas sendiri di hujung minggu atau petang hari. Ini juga gejala Fedofilia dan Hedonisme.

Terlalu banyak aktiviti anak-anak kita yang membuka peluang untuk menjadi mangsa. Hanya dengan memberitahu mereka ada aktiviti Ko-Ko atau kelas tambahan, dan segalanya selesai di dalam waktu itu juga. Lebih baik jika kita dan jiran tetangga bergiliran untuk menghantar dan memantau sendiri anak kita dan rakan sekelas mereka. Kenali dan berbuat baiklah dengan para guru, ahli qariah dan ketua setempat dengan kita.

Paling utama... **HENTIKAN SELFIE GEDIK** dan pergaulan bebas yang menjadi budaya tanpa segan silu. Jangan suka suka berdating atau mengikuti orang yang tidak dikenali. Ramai PATI yang tiada pasangan dan gersang di negara ini. Faham fahamkanlah ancaman seksual dari mereka juga.

PRO & KONTRA PENAFIAN OLEH PIHAK POLIS

Pihak PDRM telah menafikan beberapa kali tentang berita berita panas ini. Apabila ianya terbukti berlaku maka biasanya ramai di antara kita akan menyalahkan pihak polis kerana pernah menafikannya. Hari ini maklumat hanya di hujung jari. Semua maklumat kehilangan mudah tersebar, lengkap dengan gambar mangsa, laporan polis dan sebagainya. Terkadang lebih cepat dari media rasmi.

Setelah meneliti penafian PDRM, kami dapati ada beberapa fenomena yang berkaitan. Rasional penafian itu ialah untuk mengelakkan fitnah dan suasana panik. Ia mungkin berkisar tentang maklumat kenderaan, bangsa suspek, tempat, negara dan sebagainya. Kerana itu kita perhatikan ada berita kes yang akhirnya di'sejuk'kan sedikit kenyataannya oleh pihak berkuasa.

Gambar-gambar dan laporan polis yang tersebar ada rasionalnya untuk dipertimbangkan. Pihak polis sendiri mengeluarkan kenyataan menasihati ibu bapa agar memantau pergerakan anak-anak setelah beberapa penculikan memang benar benar berlaku. Oleh itu selaku ibu bapa, kita harus bijak dan mengambil serius. Tidak perlu panik, namun jangan sekali-kali meneruskan sikap lalai.

Kita doakan agar pihak PDRM dapat segera membenteras gejala ini. Kita juga pohon agar pihak polis dapat menyiasat di mana dan apakah cerita sebenar di sebalik gambar-gambar sadis yang terlalu banyak beredar ini secara khusus. Adakah ia berlaku di negara ini atau di negara lain? mudah mudahan ia dapat sedikit melegakan hati kita.

BERSAMA KITA BERDOA AGAR TERHINDAR DARI BALA BENCANA. AMIIN.

Warga Prihatin.

KEHILANGAN & PEMBUNUHAN KANAK-KANAK SEMAKIN SERIUS

[KEHILANGAN & PEMBUNUHAN KANAK-KANAK SEMAKIN SERIUS](#)

Post by [Warga Prihatin](#).

Sistem Fitnah

Published on Aug 20, 2013

Secara tidak sedar media massa memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pemikiran. Industri hiburan khususnya Filem di Malaysia telah jatuh kepada satu sistem yang menyesatkan dan melalaikan masyarakat. Please share.

Further Readings / Referrences :

Dr Albert Bandura – Bobo Doll Experiment, Vicarious Reinforcement and Imitative Learning.

BETULKAH DADAH DAN GEJALA

SOSIAL TIADA KAITAN DENGAN HIBURAN?

[BETULKAH DADAH DAN GEJALA SOSIAL TIADA KAITAN DENGAN HIBURAN?](#)

Post by [Warga Prihatin](#).

KEMBALINYA ZAMAN JAHILIYAH, PAKAIAN SISTEM ISLAM KEMBALI PUDAR.

[KEMBALINYA ZAMAN JAHILIYAH, PAKAIAN SISTEM ISLAM KEMBALI PUDAR.](#)

Post by [Warga Prihatin](#).

MENARIK – BAGAIMANA JIWA PRIHATIN TERBENTUK

[MENARIK – BAGAIMANA JIWA PRIHATIN TERBENTUK](#)

Post by [Warga Prihatin](#).

Lelaki Melayu berbakti kepada lebih 500 anjing dan 100 kucing liar

[Lelaki Melayu berbakti kepada lebih 500 anjing dan 100 kucing liar.](#)

MENARIK – BAGAIMANA JIWA PRIHATIN TERBENTUK

Lelaki Melayu berbakti kepada lebih 500 anjing dan 100 kucing liar.

Ini adalah satu kerja mulia yang jarang berlaku walaupun umumnya masyarakat memandang jijik dan hina pada anjing.

Kita pernah dengar kisah pelacur yang masuk syurga kerana berbakti kepada anjing yang kehausan. Oleh itu, tidak mustahil ada tempat di syurga untuk insan ini. Yang nyata jiwanya merasa tenang dengan kerja bakti yang sedang beliau usahakan. Ketenangan itu adalah ekspresi syurga bagi beliau. Ia jauh lebih baik dari setengah kita yang nampak sangat beragama tapi pada luarannya sahaja. Satu lagi inspirasi ke arah insan prihatin.

Kami tersentuh dengan paparan dokumentari ini. Yang ingin kami tekankan di sini ialah bagaimana jiwa prihatin itu boleh dipupuk. Jika anjing dan kucing liar pun sanggup beliau taburkan bakti atas dasar ikhsan, wajarlah kita yang masih 'kurang' prihatin berhenti dari menganiaya manusia... berhentilah mendera anak anak, memukul, mencederakan dan membunuh sesama sendiri. Terlalu banyak kes penganiayaan dan kita sudah tidak sanggup lagi melihat ianya terus menerus berlaku hari demi hari.

Tiada apa dari ciptaan Allah yang sia sia di bumi bertuah tempat kita menumpang ini (QS:3/190-191). Di luar sana ramai manusia yang mampu berkawan dengan harimau dan singa, kuda dan ular, beruang dan lain lain... sementara majoriti yang lain amat takut dan geli.

Semua itu hanya berbekalkan jiwa prihatin dan rasa kasih sayang. Dengan perasaan murni itulah yang membuatkan hati kita jadi tenang ketika berhadapan dengan haiwan itu. Getaran ketenangan itu yang membuatkan haiwan ini tidak menganggap kita sebagai musuh lalu tidak mereka mahu mencederakan kita.

Itu juga antara sebab mengapa anak kecil boleh tindih.. boleh picit kucing dan anjing... boleh bermain dengan ular dan sebagainya tanpa digigit oleh haiwan itu. Antaranya adalah kerana anak kecil yang belum mumayyiz tidak tahu bahawa haiwan itu boleh mencederakan. Kerana itu mereka tidak ada getaran takut atau marah untuk memusuhi haiwan yang sedang bermain dengan mereka.

Anjing dan kucing ini adalah haiwan yang rapat dengan manusia. Boleh dilatih untuk menjaga rumah dan ladang, mengawal ternakan, menjejak penjenayah atau orang hilang, menjejak dadah bahkan halal dimakan hasil buruannya.

Semuga paparan ini mampu membuka minda kita barang sedikit agar hidup ini tidak terlalu jumud dan dipandang hina oleh manusia lain.

Wallahuaklam.

WARGA PRIHATIN

[Post](#) by [Shan Mugam](#).

**AMALAN BERTERUSAN ALLAHYARHAM
HAJI TAMBY MELALUI**

'BRIYANI' NYA

[AMALAN BERTERUSAN ALLAHYARHAM HAJI TAMBY MELALUI 'BRIYANI' NYA](#)

Post by [Warga Prihatin](#).

GOLDEN REPUBLIC – USAHAWAN ROTI YANG PEMURAH

[GOLDEN REPUBLIC – USAHAWAN ROTI YANG PEMURAH](#)

Post by [Warga Prihatin](#).

PANDANGAN MUALLAF TENTANG SIKAP & NASIB KITA

[PANDANGAN MUALLAF TENTANG SIKAP & NASIB KITA](#)

Post by [Warga Prihatin](#).

SINAR BARU ERA KESULTANAN

BERAKHLAK & BERILMU

[SINAR BARU ERA KESULTANAN BERAKHLAK & BERILMU](#)

Post by [Warga Prihatin](#).

LAGI TRAGEDI NGERI YANG MEMERLUKAN PERHATIAN MASYARAKAT

[LAGI TRAGEDI NGERI YANG MEMERLUKAN PERHATIAN MASYARAKAT](#)

Post by [Warga Prihatin](#).

Video & Laporan Penuh Kes Anak Dikurung Hingga Kurus Kering

[Video Kes Anak Dikurung Hingga Kurus Kering](#)

Sila baca berita penuh di sini,

<http://www.hmetro.com.my/articles/Dikurungsampaikering//Article?BeritaUtama>



[Post](#) by [DrMas Mohd Dua](#).

PENGANIAYAAN ANAK-ANAK – MASYARAKAT TURUT BERDOSA

[PENGANIAYAAN ANAK-ANAK – MASYARAKAT TURUT BERDOSA](#)

[Post](#) by [Warga Prihatin](#).

APABILA MASALAH DISELESAIKAN DENGAN MENCIPTA MASALAH

[APABILA MASALAH DISELESAIKAN DENGAN MENCIPTA MASALAH](#)

[Post](#) by [Warga Prihatin](#).

MURTAD DIMUDAHKAN, MUALLAF DISUSAHKAN

[MURTAD DIMUDAHKAN, MUALLAF DISUSAHKAN](#)

[Post](#) by [Warga Prihatin](#).